



• SIARAN SEGERA

# KENYATAAN MEDIA

HASiL

HASiL/2022/03/25 – 27

## PROGRAM HASiL SEPETANG BERSAMA

### AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN, NEGERI DAN BADAN BERKANUN SABAH DI SEKITAR DAERAH TAWAU

1. Tawau, 25 Mac 2022 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah mengadakan Program Libat Urus HASiL Cawangan Tawau bersama Agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun Sabah di sekitar Daerah Tawau melalui penganjuran Majlis HASiL Sepetang Bersama pada hari ini.
2. Sesi libat urus ini bermatlamatkan untuk menjalinkan hubungan, memperluaskan jaringan kerjasama dan sebagai platform serta medium penyampaian maklumat percukaian terkini yang berkesan kepada agensi-agensi di Daerah Tawau. Objektif utama kerjasama ini juga adalah bagi mewujudkan perkongsian strategik dalam bentuk pentadbiran, perkongsian maklumat dan lain-lain libat urus semasa serta pada masa hadapan bagi pemantapan pendidikan percukaian di Negeri Sabah, khususnya di Daerah Tawau.

3. Selain itu, penganjuran program ini turut menjadi medium bagi mempromosikan HASiL dan Program Jom Klik HASiL 2022 agar tahap pematuhan cukai secara sukarela dapat ditingkatkan, khasnya dalam kalangan penjawat awam serta pembayar cukai yang lain selaras dengan aspirasi HASiL untuk menyebarluaskan pendidikan percukaian kepada semua peringkat umur.
4. Dalam program ini, HASiL diwakili oleh YBhg. Datuk Hajam Lajah Alam, Pengarah Negeri Sabah, bersama YBhg. Datin Dayang Halimah Awang Ahmad, Pengarah Cawangan Kota Kinabalu, Encik Saharin Alias, Pengarah Cawangan Siasatan Kota Kinabalu dan Encik Mohamad Razli Mohamad Ali, Pengarah Cawangan Tawau. Bagi pihak Agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun Sabah pula, program ini dihadiri oleh Encik Mohd. Shoffian Mohd. Said, Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Tawau dan ACP Jasmin Hussin, Ketua Polis Daerah Tawau serta 58 orang Ketua Agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun sekitar Daerah Tawau.
5. Semoga sesi libat urus HASiL bersama agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun ini dapat membantu mewujudkan sebuah masyarakat yang celik cukai serta menzahirkan komitmen HASiL untuk memberikan perkhidmatan cukai yang terbaik menerusi tadbir urus yang adil, telus, profesional dan mesra pelanggan.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 25 Mac 2022**



LAMPIRAN



HASiL diwakili oleh YBhg. Datuk Hajam Lajah Alam, Pengarah Negeri Sabah (duduk 4 dari kiri) dan Encik Mohamad Razli Mohamad Ali, Pengarah Cawangan Tawau (duduk 3 dari kiri).

Mewakil agensi kerajaan dan badan berkanun ialah Encik Mohd Nazri Pintal, Pegawai Daerah Kunak (duduk 1 dari kiri), Encik Mohd Shoffian Mohd Said, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Tawau (duduk 2 dari kiri), Encik Richard Hii Ding Yin, Penolong Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tawau (duduk 5 dari kiri) dan Encik Sabardin Lahabun, Penolong Kanan Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Tawau (duduk 6 dari kiri)



YBhg. Datuk Hajam Lajah Alam, Pengarah Negeri Sabah bersama barisan pengurusan HASiL menyerahkan cenderahati kepada ketua-ketua agensi sebagai mempromosikan Program Jom Klik HASiL 2022.